



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

The Star

- | | |
|----------------------------|-------|
| - Flowing mud risk remains | 01-03 |
|----------------------------|-------|

Sinar Harian

- | | |
|-----------------------------|----|
| - Lima tahun tiada sambutan | 22 |
|-----------------------------|----|

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Selangor kaji letak meja luar restoran | 41 |
| - PBT perlu pastikan keselamatan pengguna | 41 |

Harian Metro

- | | |
|---|----|
| - Khuatir pengusaha langgar syarat PBT | 31 |
| - PBT perlu serius ambil tindakan | 31 |
| - MBSA ganti papan tanda jalan berperingkat | 32 |

Utusan Malaysia

- | | |
|--|-------|
| - MBSA akhirnya bertindak | 10 |
| - Pusat tiada kuasa jika negeri lain ikut- Khalid | 10 |
| - Tulisan papan tanda urusan rasmi kerajaan | 11 |
| - PBT: Perkenalkan dasar keselamatan makan di tepi jalan | 15 |
| - Spesifikasi bonggol diabai | 55-56 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Flowing mud risk remains
Muka Surat	01-03

Star
WEDNESDAY 21 NOVEMBER 2018

Metro

GREATER KLANG VALLEY

[03] 7967 1388 ext 1706/1323/1496 (Editorial) metro@thestar.com.my [03] 7966 8388 (Advertising) [03] 7966 8200 (Classified) thestar.com.my/metro facebook.com/starmetro twitter.com/thestarmetro

NEWS
Melaka govt to find forest to house captured macaques >4

EVENTS
Dyslexic children show talent in singing and dancing in concert >10

SPORT
Young tennis players from 10 countries to take part in tournament >15

Flowing mud risk remains

Following a recent mudflow in Taman Ukay Heights, Ampang Jaya, the Housing and Local Government Ministry plans to study ways to stop flash floods caused by project sites. >2&3



Major damage: Workers clearing silt and debris from a collapsed retention wall of a home in Taman Ukay Heights following a mudflow on Nov 11. — AZLINA ABDULLAH/The Star



Lane closures

Jalan Putra Permai (Serdang bound) will be closed intermittently until Nov 24 between 8pm-5am for a 200m stretch. The closure will involve the left-most lane at Jalan Putra Permai but one lane will still be open to motorists.

The road from Putra Permai towards Jalan Prima Troika and Giant Hypermarket (both bounds) will also be closed until 11pm on Nov 24. Motorists will be advised by road signs for traffic diversions.

Jalan Jingjing Utama will also be closed intermittently until Feb 20 for construction works between 8pm-5am. The lane-closure starts from the junction of jalan Jingjing until the junction of jalan Jingjing and jalan Jingjing Utama. Motorists from jalan Jingjing towards Kuala Lumpur will be diverted to turn left after the traffic light junction of jalan Jingjing Utama.

SCIENCE AND DISCOVERY

Explore Lot 10, Ampang from Nov 23 to 25 at Lot 10, 50, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, from 10am-5pm. There are free activities for all ages including workshops, performances, toy donations, science experiences, game mins as well as building Android applications.

Visitors are advised to get off at KL Sentral MRT station and walk to the event which starts right in front of the mall. For details, visit [ytmfoundation.org](#) on Facebook.

CULTURAL FESTIVAL

Klang Heritage Festival is happening this Sunday at Ipoh Street, Klang between 10am-1pm.

Activities are a run, wavyng kultit performance, concert by the orang asli community of Puluhan.

For more information, call 010-3000 1000.

FIRST-AID WORKSHOP

Learn how to provide emergency treatment and handle trauma victims Saturday from 10am to noon at PPR Health Centre, Ipoh Health Hub.

Organised by Lembah Pantai MP Fahmi Fadzil, participants will learn CPR, first-aid, treatement of burns and many more. Light refreshments will be served.

EARTH PROJECT

The Keechara Ipoh Study Group will be having an earth project from 9am-1pm on Nov 18 (Sunday) in front of Ipoh Garden post office (this Sunday from 30am-11.30am). Items like metal, aluminium, electronics, plastic, newspapers, cartons, boxes, paper, old clothes, books, ink cartridges and glass bottles will be accepted. Details call 016-532 8309 (Siti) or 012-522 3200 (Yee Mun).

SATYABA CELEBRATION
Satya Sai Baba Centres of Perak will celebrate the 39th anniversary of the Sai Baba at Sri Maha Mariamman Temple in Buntong (Ipoh) this Sunday from 8am-8pm. There will be free health check-ups, donation drive, organ pledge, prayer, cultural performances and an exhibition.

Living on the edge in Taman Ukay Heights

Residents continue to live in fear as only temporary measures are taken to prevent soil erosion at site of mudslide

By VIENITHI NAIN
jnain@thestar.com.my

CONDITIONS attached to a project site as stipulated by a local authority are there for a reason – to prevent untoward incidents.

However, reports of disasters as a result of non-compliance to pre-set conditions at construction sites crop up all the time.

The latest incident at Taman Ukay Heights in Ampang is one such example.

The affluent neighbourhood is situated along the hill slopes, but Nov 11, residents were caught off guard when muddy waters rushed down hill creating a river-like current that damaged a few houses.

A downpour was the precursor to the flash flood affecting a large part of the housing estate leading up to Lebu Koh Hill, Ampang.

The incident even caused a retention wall at one of the houses to collapse.

A project site uphill of the housing estate was identified as the source of the problem.

After the Ampang Municipal Council (MPAJ) had earlier issued a temporary stop-work order to the project contractor for failure to adhere to conditions of work, the stop-work order was issued again.

The stop-work order was issued because of aggressive flow of loose earth and debris from the work contract.

Part of the condition in the stop-work order was to build silt traps, wash troughs and rearrange traffic flow.

However, before the contractor could fulfil the conditions, the flash flood occurred.

The MPAJ was engaged to upgrade the monsoon drains and carry out slope strengthening and stabilisation works.

According to residents, an estimated 60,000 tonnes of soil and rubble was dumped and loaded onto lorries, starting the ravine at Jalan Teluk.

This figure was derived based on the number of lorries (20-tonne lorries) used to remove the debris.

Heavy rain on Nov 11 caused water to push the earth downward, causing havoc in Ukay Heights.

On Nov 13, Ampang MP Dato' Kamarrudin visited the neighbourhood to gauge the situation.

When he was at a separate event, Zulkifli who was accompanied by the Ampang and Local Government Minister said a construction site nearby was responsible for the flash floods.

She said construction need to review and study ways to stop flash floods caused by activities at the site.

StarMetro visited the neighbourhood when clean-up works were under way and found MPAJ, KDRB Water Management Sdn Bhd and a group of workers undertaking the task.

Resident who is the landowner of the site sent workers to help in the clean-up effort.

However, workers clearing silt from the drains were seen dumping



earth back from where it originated.

Residents who caught the workers in action, put a stop to it.

Dr R. Sharma said it was ridiculous for contractors to dump earth on the project site as another downpour could cause another mudflow.

After the earlier mudflow, residents were asked to stay away from the next downpour unless another nightmare in their path.

A resident who wished to be named said they wanted to be part of the solution.

She said the community had been asked for the silt and debris from the drains to be cleared but not to be dumped back on the land.

They have been given a chance to use tarpaulin sheets and cover the exposed earth as a temporary measure to prevent further damage.

"With an estimated 60,000 tonnes of earth uphill, it is like 60 lorries down on my property," he said, adding that the roads were also damaged by the heavy load carrying earth.

Another resident, who also declined to be named, said there were natural streams running on the land which were buried under



Ukay Heights residents claim that 60,000 tonnes of soil have been dumped at the project site. The loose soil washed down during a downpour affected houses in Taman Ukay Heights.



Ukay Heights residents say tonnes of soil are being dumped at the project site.



A waste contractor's lorry filled with silt collected from the drains seen parked nearby the project site.



Drains clogged by silt and debris from the collapsed retention wall of a house being cleared on Nov 15.



The monsoon drains in Ukay Heights are clogged up with silt.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Lima tahun tiada sambutan
Muka Surat	22

Lima tahun tiada sambutan

SH 21/11/18
M/S 22.

KRT Pandan Mewah gembira dapat rai Maulidur Rasul

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

Masyarakat dan ahli Kawasan Rukun Tertangga (KRT) Pandan Mewah menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul 2018M/1440H dengan acara perarakan dan berselawat sambil mem-

peringati sejarah pengorbanan Nabi Muhammad dalam memperjuangkan Islam.

Pengerusi Permuafakatan Kawasan Rukun Tertangga (KRT) Zon Pandan, Abd Haffidz Md Noor, seramai 100 penduduk termasuk wakil Agenzia Antidadah Kebangsaan (AADK) dan masyarakat Aceh turut serta dalam perarakan ini.

"Sebelum ini kita meralakan sambutan Maulidur Rasul setiap tahun sehingga 2013 disebabkan kita tiada tempat untuk meneruskan dan melaksanakan aktiviti ini. Namun kini kita sudah mendapat lokasi yang bersesuaian, program ini juga dapat

diteruskan semula.

"Masyarakat menantikan program sebegini untuk mereka mendekatkan diri dalam program keagamaan dalam kawasan Pandan Mewah," katurnya.

Beliau berkata, program tersebut juga dapat menarik minat golongan muda untuk menyertai aktiviti ke-masyarakat.

Beliau berkata, sebelum ini majlis keagamaan hanya diraikan jemaah surau namun kali ini mereka berjaya menarik penglibatan ibu bapa dan golongan belia untuk bersama mengenang perjuangan Rasulullah.



Abd Haffidz (kiri) memberi taklimat sebelum berarak sempena sambutan Maulidur Rasul di Pandan Mewah.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor kaji letak meja luar restoran
Muka Surat	41

DH Rabu, 21 November 2018 **Ms.41**

→ ISU

SUSULAN PELIBANGAN MAUT DIREMPUH KENDERAAN

Selangor kaji letak meja luar restoran

B4 21/11/18 Ms.41 · [FOTO BERNAMA]

➡ MPSJ akan dirujuk mengenai permit guna kawasan parkir untuk letak barang dagangan

Oleh Hasbi Sidek
cnews@nsp.com.my

↳ Subang Jaya

Kerajaan negeri akan menyemak semula dasar berhubung kebenaran meletak meja makan di luar restoran, terutama di kawasan parkir, susulan insiden pelanggan maut dirempuh kenderaan dekat Seri Kembangan, malam Ahad lalu.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata pihaknya akan merujuk kembali pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengenai permit menggunakan kawasan parkir untuk meletak barang dagangan, termasuk meja dan kerusi.

"Menurut dasar sedia ada, pihak berkua tempatan (PBT) mengeluarkan kebenaran kepada pengu-

Ketua Polis Serdang, Asisten Komisioner Ismaili Borhan mendengar penjelasan saksi mengenai rempuhan kenderaan yang meragut satu nyawa di Taman Equine, malam Ahad lalu.

saha kedai makan untuk menggunakan kawasan parkir yang selamat dalam tempoh ditetapkan, kebiasaannya selepas waktu kerja. "Bagaimanapun, dalam kejadian yang merebabkan seorang wanita maut itu, saya khusur sahada ada pengusaha restoran terbabit melanggar syarat ditetapkan, namun perkara ini harus disemak terlebih dahulu dengan MPSJ."

"Selain itu, kerajaan negeri akan menyemak semula dasar sedia

ada," katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 malam Ahad lalu, seorang maut, manakala empat lagi cedera apabila sebuah kenderaan pacuan empat roda Toyota Hilux terbalas dan merempuh sebuah restoran di Jalan Equine 98, Taman Equine, dekat Seri Kembangan.

Medan sebelum ini melaporkan siasatan awal polis mendapati peraturan herada hawah pengaruh alkohol ketika kejadian, malah tidak memiliki lesen memandu.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, pihaknya turut bersimpatis dengan kemalangan meninggala mangsa dan mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mendiang.

Pengaruh alkohol

"Kejadian itu dipercayai berpunca daripada pemandu yang memdrui bawah pengaruh alkohol. Justeru, faktor itu perlu diambil kira.

"Bagaimanapun, pihak kami juga akan meminta MPSJ menyiasat perkara ini sama ada restoran berkenaan melanggar sebarang syarat kebenaran."

"Kami tidak akan teragak-agak menarik balik permit itu jika mereka dan pengusaha lain di kawasan terbabit gagal mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.

Sementara itu, usahawartawan untuk mendapatkan kenyataan daripada MPSJ sejak kelmarin masih gagal.





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	PBT perlu pastikan keselamatan pengguna
Muka Surat	41

PBT perlu pastikan keselamatan pengguna

B4 21/11/18 N/3 41.

Kuala Lumpur: Agensi berkaitan, terutama pihak berkuasa tempatan (PBT), perlu memperkenalkan dasar mengawal keselamatan orang ramai ketika makan di jalan awam.

Ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata mereka perlu melihat tragedi meragut seorang wanita selepas kenderaan pacuan empat roda merempuh pelanggan ketika menjamu selera di sebuah restoran di Taman Equine, baru-baru ini, dengan serius.

Beliau berkata, kejadian itu menimbulkan isu keselamatan apabila meletakkan meja di tepi jalan untuk pelanggan.

"Ini terbukti berbahaya dan boleh mengundang bencana. Kejadian sama

pernah berlaku pada Jun 2003 di Seksyen 14, Petaling Jaya, apabila sebuah kereta merempuh pelanggan yang duduk di luar restoran makam 24 jam.

"Dilaporkan PBT pada masa itu mengisyitarkan bahawa semua kedai makan dan restoran, termasuk gerai mamak, perlu berhenti meletakkan meja, kerusi atau bangku di luar premis mereka.

Penguatkuasaan lemah

"Namun, disebabkan penguatkuasaan lemah, masih banyak kedai makan yang meletakkan kerusi dan meja di luar premis mereka, termasuk di laluan pejalan kaki rumah kedai yang menyusahkan orang ramai, terutama mereka yang kurang upaya."

"Ia kelihatan seperti arahan sedemikian tidak pernah dikeluarkan dan dikuatkuasakan," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Beliau berkata, memandangkan ia bukan tragedi pertama, pihak berkuasa perlu melihat kepada keselamatan orang awam dan pada masa sama, mengambil tindakan tegas terhadap permanduan yang menyebabkan kematian.

"Pengguna jalan raya perlu sentiasa berjaga-jaga bagi memastikan keselamatan orang lain. Nyawa orang yang tidak bersalah melayang begitu sahaja dan ini boleh dicegah sekiranya keselamatan menjadi aspek penting dalam minda setiap orang," katanya.

BERNAMA



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Khuatir pengusaha langgar syarat PBT
Muka Surat	31

HARIAN METRO

'PANDU MACAM ORANG MABUK'

LAPORAN Harian Metro, semalam.

MELETAKKAN meja bersebelahan laluan kenderaan mengundang bahaya jika pemandu gagal mengawal kenderaan.

TRAGEDI BERDARAH JAMU LUAR RESTORAN HM 21/11/18 M/S 31

Khuatir pengusaha langgar syarat PBT

■ Selangor semak semula polisi letak meja makan di luar restoran

Hasbi Sidek
cnews@NSTP.COM.MY

Suhang Jaya

Kerajaan negeri akan menyemak semula polisi keberlantuan mewelakkan meja makan di luar restoran terutama di kawasan tempat letak kereta.

Isusulan kejadian pacuan empat roda yang merempuk empat pelanggan sehingga menyebabkan seorang wanita maut di Jalan Equine 9C, Taman Equine, Seri Kembangan, Ahad lalu.

Menteri Besar Selangor Amruddin Sharif berkata, pihaknya akan merujuk dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengenai permit keberlanan menggunakan kawasan parkir sebagai tempat mewelakkan barang dagangan termasuk meja dan kerusi.

Pihaknya juga akan merujuk dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengenai permit keberlanan menggunakan kawasan parkir sebagai tempat mewelakkan barang dagangan termasuk meja dan kerusi.

"Berdasarkan polisi sedia ada, pihak berkuasa tempatan PBT mengelarhan kebenaran kepada pengusaha kedai makan untuk menggunakan kawasan parkir yang selamat dalam tempoh yang ditetapkan, kebiasaannya selepas waktu kerja," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut bersimpang dengan kelanggungan yang menimpakan mangsa dan meruncapkan taiziah kepada ahli keluarganya.

"Dalam kejadian ini, ia dipercayai berpunca datipada pemandu yang dipercaya mem-

“Kami akan meminta MPSJ menyiasat perkara ini sama ada restoran terbabit melanggar syarat kebenaran dan kami tidak teragak-agak untuk menarik balik permit"

Amirudin

du di bawah pengaruh alkohol, jadi ia perlu diambil kira.

"Bagaimanapun, pihak kami akan meminta MPSJ menyiasat perkara ini sama ada restoran terbabit melanggar mana-mana syarat kebenaran dan kami tidak teragak-agak untuk menarik balik permit jika mereka dan semua pengusaha di kawasan itu gagal mematuhi peraturan ditetapkan," katanya.

Sementara itu, usaha warta-wan untuk mendapatkan ke-

ntasan daripada MPSJ sejak kejadian tidak berjaya apabila PBT terbabit 'membius' menyiasati insiden berkenaan.

Dalam insiden kira-kira jam 8 malam itu, seorang wanita maut, manakala empat individu lain cedera selain tiga kenderaan merugikan kerusakan apabila dirempuh sebuah pacuan empat roda dipandu seorang lelaki yang merlakuk diri selepas kejadian.

Bagaimanapun, kenderaan itu ditemui di kawasan perumahan dekat Jalan Indah 1/22, Taman Universiti Indah, Seri Kembangan, kira-kira dua kilometer dari lokasi pada jam 11 malam.

Pihak kerajaan menjelaskan pemilik kenderaan melalui nombor pendaftaran dan mendapat ia milik sebuah syarikat.

Pihak syarikat yang dilihubungi menyatakan lelaki terbabit di bawah Pejabat Polis Daerah (PPD) Serdang sebelum dispek ditanah.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	PBT perlu serius ambil tindakan
Muka Surat	31

tengah | **31**
RM 21/11/18 M/S 31

PBT perlu serius ambil tindakan

Kuala Lumpur: Pihak berkuasa tempatan (PBT) digesa untuk mengambil tindakan tegas terhadap restoran yang bertindak menempatkan meja pelanggan di luar kawasan premis kerana dikhuatiri mengundang risiko tinggi.

Ahli Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, agensi berkaitan juga perlu serius melihat insiden berkaitan kejadian kemalangan jalan raya membabitkan orang awam di restoran tepi jalan.

“Kebanyakan restoran gemar meletakkan kerusi meja pelanggan di tepi jalan dan kaki lima lot kedai, ini secara tidak langsung turut menyusahkan orang ramai terutama orang kurang upaya.

“Sekiranya ia ditempatkan di ruang parkir pula, risiko kemalangan sangat tinggi seperti kejadian kemalangan yang berlaku baru-baru ini.

“Pihak berkuasa perlu utamakan keselamatan orang awam dengan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak bertanggungjawab termasuk pemandu yang terbaik,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Selain itu, Lee turut mengingatkan pengguna jalan raya bersikap waspada ketika memandu terutama di kawasan orang ramai bagi mengelak kehilangan insan tak bersalah.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	MBSA ganti papan tanda jalan berperingkat
Muka Surat	32

MBSA ganti papan tanda jalan berperingkat

Shah Alam: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menyelesaikan kerja meninggalkan papan tanda nama bertulisan Cina di sekitar daerah ini dalam tempoh terdekat.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA Shahrin Ahmad berkata, pelaksanaan semua kerja itu dilaksanakan pihaknya berperingkat.

"MBSA menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah supaya papan tanda jalan yang bertulisan Cina itu digantikan dengan papan tanda yang memaparkan bahasa Melayu saja.

"Untuk makluman, tindakan segera diamalkan MBSA dengan meninggalkan papan tanda di lokasi papan tanda berkenaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan, Sultan Sharafuddin menitahkan semua papan tanda nama jalan bertulisan Cina daerah ini ditanggalkan dan diganti serta-merta.

Setiausaha Sulit Sultan Selangor, Datuk Mohamad Munir Bani diperiksa berkata, baginda menitahkan ia di-



gantikan dengan papan tanda jalan bahasa Melayu sa- ja.

Operasi penukaran papan tanda jalan perlu dilaksanakan segera dan diselesaikan selewat-lewatnya sebelum tarikh sambutan

Ulang Tahun Keputeraan Sultan Selangor, 11 Disem- ber depan.

Baru-baru ini, netizen mempersoalkan isu penggunaan tulisan Cina pada papan tanda jalan di beberapa kawasan terbabit yang dilengkapi tulisan berkenaan.

Ia turut dilaporkan beberapa media tempatan yang mendapat maklum balas Exco kerajaan negeri mengenai kebenaran dan kelulusan papan tanda itu di kawasan berkenaan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	MBSA akhirnya bertindak
Muka Surat	10

10 DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA • RABU 21 NOVEMBER 2018

MBSA akhirnya bertindak

Oleh ZULKIFLI SAINNUDDIN
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 20 NOV.

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) hari ini mula melakukan kerja menanggalkan papan tanda jalan bertulisan Cina di daerah ini susulan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Sharin Ahmad berkata, pihaknya menjunjung titah Sultan Selangor agar papan tanda yang mempunyai tulisan Cina itu digantikan dengan papan tanda jalan yang menggunakan bahasa Melayu.

"Tindakan segera telah diambil oleh pihak MBSA dengan menanggalkan papan tanda berkenaan di lokasi ia dipasang."

"Kerja-kerja menanggalkan papan tanda ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka selesai dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Sultan Selangor,

Sultan Selangor titahkan guna bahasa Melayu sahaja

Tanggal papan tanda jalan tulisan Cina

SHAH ALAM 20 NOV. Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, hari ini menegaskan bahawa tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina itu akan ditanggalkan dan digantikan dengan papan tanda jalan baru berbahasa Melayu. — UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di Shah Alam ditanggalkan dan digantikan dengan papan tanda jalan baru berbahasa Melayu.

Titah itu disampaikan oleh Setiausaha Sulit baginda, Datuk Mohamad Munir Bani melalui surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk



PAPAN tanda jalan bertulisan Cina yang dititahkan oleh Sultan Selangor agar ditanggalkan dan hanya menggunakan bahasa Melayu. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Mohd. Amin Ahmad Ahya dan juga Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd. Saad.

Dalam surat itu, Sultan Sharafuddin bertitah agar, ope-

rasi bagi menanggalkan semua papan tanda jalan berbahasa Cina tersebut dibuat segera dan ia mesti diselesaikan sebelum 11 Disember, iaitu tarikh ulang tahun keputeraan baginda.

INFO

ISU BAHASA PADA PAPAN TANDA

1. PULAU PINANG

Oktoper 2008, kerajaan negeri luluskan permohonan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPP) untuk memasang papan tanda jalan pelbagai bahasa.

Hanya dilaksanakan di kawasan tapak warisan di Georgetown. Ditulis dalam tulisan Jawi, Tamil dan Cina.

2. JOHOR

September 2012, Pas Bahagian Segamat persoal papan tanda jalan dwibahasa sekitar Kampung Abdullah.

Tindakan itu dilihat mengejutkan tulisan Jawi sebagai identiti orang Melayu.

Majlis Daerah Segamat mengenali pasti perkara itu dan perbincangan dengan pihak sepertinya dilaksana.

3. KEDAH

Januari 2016, Pelan Cina di Alor Setar, Kedah dipilih sebagai perintis penggunaan tulisan Cina pada papan tanda jalan.

Buat permulaan, ia ditulsi pada tiga papan tanda jalan sahaja.

Tulisan Jawi pada papan tanda jalan juga dilaksana dan diperluaskan di sekitar Alor Setar.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Pusat tiada kuasa jika negeri lain ikut- Khalid
Muka Surat	10

um 21/11/18 M/10

Pusat tiada kuasa jika negeri lain ikut - Khalid

PUTRAJAYA 20 Nov.- Penggunaan papan tanda jalan dalam bahasa Cina adalah keputusan yang telah dimuktamadkan oleh kerajaan negeri Selangor dan perkara itu tiada kaitan dengan kerajaan Persekutuan.

Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad berkata, Kerajaan Persekutuan tidak mengetahui tindakan itu kerana segala kuasa melibatkan kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Itu keputusan kerajaan negeri Selangor, saya di peringkat kementerian tidak mengetahui tentang perbincangan mereka. Kalau Sultan sudah keluarkan titah, kita kena akur.

"Saya fikir ada perbincangan di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan PBT mengenai perkara itu," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1440H/2018M di sini hari ini.

Beliau mengulas titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang menitahkan agar papan tanda jalan yang mempunyai tulisan Cina di Selangor ditanggalkan dan diganti dengan papan tanda jalan satu bahasa iaitu bahasa Melayu sahaja.



KHALID ABDUL SAMAD

Khalid merangkap Ahli Parlimen Shah Alam berkata, kerajaan tidak mempunyai kuasa sekiranya ada negeri-negeri lain yang mahu mengikut jejak langkah kerajaan negeri Selangor itu.

Isu mengenai papan tanda jalan berbahasa Cina di Shah Alam mula tular apabila gambar papan tanda tersebut dimuat naik penduduk Shah Alam dalam laman media sosial menyebabkan orang ramai mempersoalkan tindakan pihak berkuasa dan mempertikai kewajarannya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Tulisan papan tanda urusan rasmi kerajaan
Muka Surat	11

4M 21/11/18 M/S 11
**Tulisan papan tanda
urusan rasmi kerajaan**

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Tulisan pada papan tanda jalan perlu menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya kerana ia merupakan urusan rasmi yang memerlukan penggunaan bahasa kebangsaan.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam satu kenyataan menjelaskan, berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), bahasa Melayu perlu digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan termasuk pada papan tanda jalan.

Menurut DBP, maksud 'rasmi' dalam Perkara 152 membawa erti apa-apa maksud kerajaan sama ada kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa tempatan.

"Seksyen 2, Akta 32 menetapkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi dan Seksyen 9 pula menjelaskan bahawa tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi.

"Dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu yang lebih dikenali dengan nama tulisan Jawi bagi bahasa kebangsaan," jelasnya dalam kenyataan itu

"Penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam termasuklah pada papan tanda jalan akan mencerminkan citra negara Malaysia."

KENYATAAN DBP

semalam.

Isu papan tanda jalan dengan tulisan Cina di Shah Alam, Selangor mula 'panas' apabila gambar tersebut dimuat naik oleh penduduk sekitar dan tular dalam media sosial.

Tambah kenyataan itu lagi, memandangkan penggunaan tulisan dan bahasa pada papan tanda jalan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan, DBP berharap agar semua pihak menjunjung tinggi semangat Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang sedia ada.

"Penggunaan bahasa kebangsaan di tempat awam termasuklah pada papan tanda jalan akan mencerminkan citra negara Malaysia," jelasnya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	PBT: Perkenalkan dasar keselamatan makan di tepi jalan
Muka Surat	15

PBT: Perkenalkan dasar keselamatan makan di tepi jalan

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Agen-
si berkaitan khususnya pihak
berkuasa tempatan (PBT) perlu
memperkenalkan dasar mengga-
wal keselamatan orang ramai ke-
tika makan di jalan-jalan awam.

Anggota Majlis Keselamatan
Jalan Raya, Tan Sri Lee Lam Thye
berkata, mereka perlu melihat
tragedi baru-baru ini yang mana
seorang wanita maut selepas ken-
deraan pacuan empat roda (4WD)
merempuh pelanggan ketika
mereka menjamu selera di sebuah

restoran di Taman Equine dengan serius,
kerana kejadian itu
menimbulkan isu ke-
selamatan apabila me-
letakkan meja di tepi
jalan untuk pelanggan.

"Ini terbukti ber-
bahaya dan boleh me-
ngundang bencana.
Kejadian sama pernah
berlaku pada Jun 2003
di Seksyen 14, Petaling Jaya ap-
abila sebuah kereta merempuh pel-



LEE LAM THYE

angan yang duduk di
luar restoran mamak
24 jam.

"Dilaporkan bah-
awa pihak berkuasa
tempatan pada masa
itu mengisyaratkan
bahawa semua kedai
makan dan restoran
termasuk gerai mamak
perlu berhenti mele-
takkan meja, kerusi
atau bangku di luar premis mereka.
"Namun,

disebabkan

pengawatkuasaan yang lemah,
masih banyak kedai makan yang
meletakkan kerusi dan meja di
luar premis mereka termasuk di
laluan pejalan kaki rumah ke-
dat yang menyusahkan orang
ramai terutamanya mereka
yang kurang upaya. Ia kelihan-
tan seperti arahan sedemikian
tidak pernah dikeluarkan dan
dikuatkuaskan," katanya dalam
kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, memandangkan

pihak berkuasa perlu melihat ke-
pada keselamatan orang awam
dan pada masa sama mengambil
tindakan tegas terhadap per-
manduan yang menyebabkan
kematian.

"Pengguna jalan raya perlu sen-
tiasa berjaga-jaga bagi memastikan
keselamatan orang lain. Nyawa
orang yang tidak bersalah melayang
begitu sahaja dan ini boleh dicegah
sekitanya keselamatan menjadi
aspek penting dalam minda setiap
orang," katanya. — BERNAMA



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
21 NOVEMBER 2018 (RABU)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Spesifikasi bonggol diabai
Muka Surat	55-56

RABU • 21.11.2018

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

Yapeim komited perluas potensi CEG

CEG melibatkan 100 lokasi nelayan di seluruh negara iaitu 50 di Semenanjung, 20 di Sabah dan 30 di Sarawak. Buat masa ini, CEG telah dilaksanakan di Pulau Tuba, Langkawi. Projek ini diwujudkan melalui kerjasama strategik antara Yapeim, Petroliam Nasional Berhad (Petronas), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pos Malaysia Berhad dan Petro Tegu.

» BERITA DI MUKA 57

Spesifikasi bonggol diabai

MEMANDU di kawasan perumahan yang dipenuhi bonggol boleh menjadi pengalaman yang merismakan, namun kita tidak dapat manfaikan fungsi penting binaan itu untuk mencegah kemalangan di kawasan perduduk.

Keberkesanannya terbukti melalui beberapa kajian yang menunjukkan kebolehan pemandu untuk menghentikan kenderaan jika dipandu pada kelajuan bawah 40 kilometer sejam.

Bagaimanapun, pembinaan struktur penghalang yang bertujuan memperlakukan pemudan itu wajar mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak berkewasa tempatan (PBT) misalnya dari segi teknikal ketetinggan, lebar, pemasangan tanda amaran dan garisan bervarna.

Namun, pembinaan bonggol di kawasan perduduk jarang dirujuk kepada PBT sehingga menyebabkan spesifikasi binaan itu tidak menelepati garis panduan ditetapkan.

Kegagalan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh PBT itu sebenarnya menjadi satu kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Wartawan Utusan Malaysia, HARITH NIZAR dan jurugambar, MOHD. AZIM ABD. RAHMAN baru-baru ini meninjau keluhan penduduk berhubung pembinaan bonggol jalan di Jalan Delima 29, Taman Bukit Melaka, Melaka.

» MUKA 56



PEMASANGAN tanda amaran dapat mengelak kemalangan yang mungkin berpunca akibat pembinaan bonggol jalan yang tidak mengikut spesifikasi. - GAMBAR HIASAN



WALAUUPN dibina untuk tujuan keselamatan, bonggol jalan yang tidak mengikut spesifikasi wajar dibindung oleh pihak berkusa kerana boleh menyebabkan kemalangan. - GAMBAR HIASAN

Bonggol jalan cetus pertelingkahan

REAKSI



"JANGAN bina bonggol jalan di kawasan perumahan secara sesuka hati tanpa mendapatkan persetujuan penduduk secara menyeluruh terlebih dahulu kerana ada dalam kalangan penghuni yang tidak bersetuju dengan tindakan itu."

DR. CHAN YEE KIT
Penduduk



"SAYA sokong seluruhnya bonggol dibina oleh pihak berkusa tempatan di kawasan perumahan ini, cuma kena pastikan ia dilakukan di tempat yang strategik dan disetujui penduduk."

YAP KOH TIN
Penduduk



"Satu perbincangan harus diadakan melibatkan semua penduduk untuk mengelak pembinaan di kawasan yang tidak sepatutnya kerana kita berdepan dengan macam-macam rancangan perangai penduduk. Jika ada keperluan, bina sahaja tiada masalah."

SEE SEE TECK
Pengurus Majlis Pengurusan
Komuniti Kampung
(MPKK) Bukit Beruang

Oleh HARITH NIZAR
utusankota@gmail.com

■ MELAKA 20 NOV.

NIAT sebahagian daripada penduduk di Jalan Delima 29, Taman Bukit Melaka di sini meminta pihak berkusa tempatan (PBT) membina bonggol untuk mencegah kemalangan di kawasan perumahan mencetuskan rasa tidak puas hati segerinti penduduk.

Pembinaan bonggol jalan itu diadakan tanpa mendapat persetujuan majoriti sehingga menyurkarak sebuah bilangan penduduk masuk ke ruang letak kenderaan di rumah mereka.

Namun dakwaan itu bercanggah dengan pendapat sebahagian lagi penduduk yang menyokong pembinaan bonggol berkenaan kerana mengambil kira faktor keselamatan orang ramai yang terdedah kepada bahaya dirempuh kenderaan yang kerap dipandu laju.

Seorang penduduk yang enggan dikenali mendakwa, tindakan penduduk membina bonggol itu tidak rasional dan keperluan



YAP KOH TIN menunjukkan lokasi yang sepatutnya diberi perhatian oleh MPHTJ untuk pembinaan bonggol jalan di Taman Bukit Merdeka, Ayer Keroh, Melaka.

kepada binaan itu tidak mendekak bahkan menghalang kelancaran pemanduan.

Sehubungan itu katanya, aduan mengenai perkara itu telah dibuat kepada MPHTJ kira-kira tiga minggu lalu, namun masih tida jawapan diberikan.

"Saya telah berhubung dengan pengurusan persatuan penduduk sini bagi mendapatkan penjelasan, namun dia menaf-

kan pihaknya bertanggungjawab mengenai pembinaan itu.

"Saya amat kecewa dengan keputusan yang dilakukan oleh penduduk sedangkan ia mungkin hanya dibangkitkan oleh seorang atau dua orang sahaja. Keputusan itu bukan keputusan majoriti," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambahnya, kebenaran untuk membina bonggol sepatutnya perlu dibuat melalui perbincangan

an dan mesyuarat bersama penduduk dan mendapat nasihat dan panduan daripada pihak berkusa tempatan.

Pandangan berbeza pula di nyatakan oleh Yap, Koh Tin, 76, yang bersetuju dengan pembinaan bonggol jalan oleh MPHTJ untuk memperlakukan pemanduan orang ramai cuma ia perlu dilakukan di kawasan yang tidak menganggu pergerakan penduduk.

"Antara tempat yang perlu dibina bonggol adalah laluan seleksi di hujung perumahan kerana di situ memang ramai yang memandu laju.

"Bagi saya, pembinaan bonggol ini sesuai yang baik cuma pihak MPHTJ perlu memikirkan lokasi yang lebih bersesuaian dan bukannya di kawasan hadapan rumah," katanya.

Sementara itu, penduduk turut mendakwa, kelulusan bagi pembinaan bonggol jalan itu telah mendapat persetujuan daripada Pengurusan Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia, Pembangunan Belia dan Sukan negeri, Kerk Chee Yee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Keroh.

Bincang semula dengan penduduk - Chee Yee

MELAKA 20 Nov. -

Satu perbincangan bersama penduduk di Taman Bukit Melaka, terutama di Jalan Delima 29 di sini harus diadakan bagi mencari penyelesaian terbaik berhubung masalah bonggol yang dibina di kawasan perumahan itu baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Keroh, Kerk Chee

MAKUM BALAS

Yee berkata, sebarang cadangan serta persetujuan daripada perbincangan itu nanti akan dibawa kepada pihak Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) untuk dikaji semula.

"Kebiasaannya bonggol jalan dibina sekiranya ada permintaan daripada penduduk dan pihak berkusa tempatan (PBT) supaya membina bonggol jalan di kawasan tersebut.

"Dalam hal ini, saya pun tidak tahu mengapa ia telah menjadi itu dan ada pihak yang menggunakan nama saya, seolah-olah saya terlibat dalam pertikai mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada masa sama, Chee Yee turut menafikah dakwaan beberapa ahli memberi kelulusan kepada MPHTJ supaya membina bonggol jalan di kawasan tersebut.

"Saya syak ada penduduk yang mahu bina bonggol jalan di kawasan itu, kemudian mereka beritahu penduduk balik saya yang meluluskan segala-galanya."

"Bagaimana perkara itu boleh berlaku sedangkan pejabat Jawatankuasa Penyelaras Dewan Undangan Negeri (aperun) Ayer Keroh sendiri tidak tahu mengenai pembinaan bonggol jalan itu," ujarnya.